



PROGRAM BUKU BACAAN ISTIMEWA UNTUK KEPERLUAN KHAS: SEMINAR DAN PAMERAN BERGERAK



BICARA PUSTAKAWAN
MASA DEPAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERPUSTAKAAN
UNISEL 2024

PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran ketiga pada tahun 2024 (Mei - Jun 2024), Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah mengadakan Program Buku Bacaan Istimewa untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak bertempat di I-Zone, Bangunan Berlian, Kampus Shah Alam.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri di ruangan *Youth Corner* di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya. Ini adalah kali pertama Perpustakaan UNISEL mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri sejak pandemik Covid 19 pada tahun 2020. Tema majlis sambutan ini adalah 'Warna-warni Aidilfitri'.

Bersempena bulan Syawal ini, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga kita semua dilimpahi hidayah, rahmat, keberkatan serta keredhaan daripada Yang Maha Esa. Dengan ingatan tulus ikhlas. Disusun sepuluh jari, mohon ampun dan maaf andai ada tersalah laku serta terkasar bahasa.


Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor
zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

UNISEL, MBBY Anjur Program Buku Bacaan Untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak	1
Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perpustakaan UNISEL 2024	3
BICARA PUSTAKAWAN : Masa Depan Perpustakaan Akademik	5
Program Literasi Maklumat	7
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	10
Album Pelawat dan Lawatan	15
Ulasan Buku	22
E-Resources	24



PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR

Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK

Nor Suhaiza Zainol

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah
Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my

UNISEL, MBBY ANJUR PROGRAM BUKU BACAAN UNTUK KEPERLUAN KHAS: SEMINAR DAN PAMERAN BERGERAK



Universiti Selangor (UNISEL) menerusi Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah mengadakan Program Buku Bacaan Istimewa untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak bertempat di I-Zone, Bangunan Berlian, Kampus Shah Alam.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang pelbagai jenis bahan bacaan yang kreatif dan inovatif selain dari memperkenalkan kepentingan buku keperluan khas dan mengulas buku-buku dalam koleksi dari segi kandungan, format dan teknik penerbitan.

Lebih menarik, Perpustakaan UNISEL telah menerima koleksi “2023 IBBY Selection of Outstanding Books for Young People with Disabilities” yang mana buku-buku dalam koleksi ini disimpan di Toronto Public Library, Canada, satu-satunya koleksi di dunia yang mendapat pengiktirafan International Board on Books for Young People (IBBY).

Hadir merasmikan program adalah YB Tuan Danial Al-Rashid Haron Aminar Rashid, Pengerusi Majlis Tindakan OKU Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Batu Tiga bersama Prof. Dato’ Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dr. Md Sidin Ahmad

Ishak, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor dan Prof. Madya Dr. Hamdan Dato' Mohd Salleh, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor.

Turut hadir, Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddin, Presiden MBBY, Rafidah Abdul Aziz, Pengarah Perpustakaan Negeri Perak, Anita Mohd Jalil, Ketua Pustakawan Perpustakaan Kuala Lumpur, Abdul Qayyum M Suhaimi, Ketua Jabatan Anak Istimewa Selangor (ANIS) dan Hafiz Abdul Rahim, Ketua Pustakawan.



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI UNISEL 2024



Pada 3 Mei 2024, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri di ruangan *Youth Corner* di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya. Turut hadir di majlis ini Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof. Madya Dr. Hamdan Dato' Mohd Salleh, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor, Puan Siti Aisyah Omar, Bendahari UNISEL, Hajah Ruhani Zakaria, Pengarah Pejabat Pentadbiran dan Sumber Manusia, ketua-ketua jabatan lain serta staf UNISEL.



Majlis ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Perpustakaan Encik Hafiz Abdul Rahim dan seterusnya ucapan daripada Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman. Terdapat pelbagai juadah yang disediakan untuk tetamu yang hadir iaitu juadah yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL dan menu *potluck* dari staf perpustakaan sendiri. Tema untuk majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Perpustakaan UNISEL 2024 adalah 'Warna-warni Aidilfitri'.



MASA DEPAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK



Ketika kita menavigasi panorama pengajaran yang sentiasa berkembang, perpustakaan akademik bersedia untuk melalui transformasi besar yang mencerminkan kemajuan teknologi dan perubahan dalam cara hidup akademik. Salah satu trend paling cemerlang adalah pengintegrasian sumber digital yang semakin meningkat. Dengan peningkatan berterusan pembelajaran dalam talian, perpustakaan sedang beralih daripada koleksi bercetak tradisional kepada repositori digital yang luas, menyediakan e-buku, jurnal dalam talian, dan arkib digital sebagai komponen utama dalam perkhidmatan mereka. Peralihan ini bukan sahaja meningkatkan aksesibiliti bagi pelajar dan tenaga pengajar tetapi juga menyokong inisiatif pembelajaran jarak jauh, menjadikan sumber pendidikan tersedia pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Trend penting lain adalah transformasi ruang fizikal dalam perpustakaan. Memandangkan keperluan pelajar berubah, perpustakaan sedang dibayangkan semula sebagai persekitaran pembelajaran kolaboratif dan bukannya hanya ruang simpanan untuk buku. Kemunculan bilik kajian berkumpulan, ruang pembuat, dan makmal multimedia mencerminkan penekanan yang semakin meningkat pada penglibatan pelajar dan pembelajaran secara praktikal. Tambahan pula, penggabungan teknologi ke dalam ruang ini—seperti percetakan 3D dan stesen realiti ditambah—akan mengundang pendekatan inovatif terhadap kajian akademik dan kreativiti, merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi praktikal.

Selain itu, perpustakaan akademik semakin menjadi pusat bagi penyelidikan dan kolaborasi interdisipliner. Dorongan ke arah ilmu terbuka dan akses terbuka bermakna




bahawa perpustakaan bukan hanya kurator maklumat; mereka sedang menjadi peserta aktif dalam proses penyelidikan. Dengan menyediakan alat untuk pengurusan data, mempromosikan sumber pendidikan terbuka, dan memudahkan perkongsian antara jabatan, perpustakaan sedang memupuk budaya kolaborasi yang mendorong pelbagai disiplin akademik untuk bergabung.

Selanjutnya, peranan pustakawan sedang berkembang selari dengan perubahan ini. Pustakawanan tradisional sedang berkembang untuk merangkumi peranan dalam analisis data, literasi data, dan biasiswa digital. Perpustakaan akademik akan semakin mengambil pakar yang mahir dalam data yang dapat membimbing fakulti dan pelajar dalam menavigasi landskap data yang luas, menilai sumber dengan kritikal, dan menggunakan data dalam penyelidikan mereka. Peralihan ini menandakan peralihan ke arah pustakawan yang berfungsi sebagai pendidik, memberi kuasa kepada pengguna untuk menjadi

pengguna maklumat yang bijak.

Akhirnya, ketika kita melihat ke masa depan, penekanan terhadap kesetaraan, kepelbagaian, dan inklusi dalam perpustakaan akademik dijangka akan menjadi lebih ketara. Perpustakaan berada dalam kedudukan yang unik untuk menyokong keadilan sosial dan menyediakan sumber yang mencerminkan pelbagai perspektif. Inisiatif yang bertujuan untuk melayani kumpulan yang kurang terwakili dan menangani kesetaraan maklumat akan menjadi asas bagi misi perpustakaan, memastikan bahawa semua suara didengar dan dihargai dalam perbincangan akademik.

Kesimpulannya, masa depan perpustakaan akademik akan dicirikan oleh transformasi digital, ruang yang inovatif, kolaborasi interdisipliner, peranan pustakawan yang berubah, dan komitmen terhadap kesaksamaan dan kepelbagaian. Ketika mereka menghayati trend ini, perpustakaan akademik bukan sahaja akan meningkatkan relevan mereka tetapi juga akan terus menjadi tiang penting pengetahuan, pembelajaran, dan komuniti dalam dunia akademik yang sentiasa berubah.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



13 MEI 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. di LR2, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Dihadiri oleh 22 orang pelajar untuk subjek IAD3162 & IAS3232 dengan kerjasama pensyarah Encik Zahrul Azwan Bin Absl Kamarul Adzhar.



17 MEI 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. di LR2, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Dihadiri oleh 15 orang pelajar dari program ISM Pendidikan Pengajian Islam dan Pengajian Islam (Syariah) dengan kerjasama pensyarah Ustazah Noor Fadhzana Mohd Noor.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



20 MEI 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. dan Online database & Free Access Collection for Literature di LR2, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Dihadiri oleh 30 orang pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda , Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran untuk Corporate Communication & Organizational Climate (JMS 3213), Communication Research (JMS 3133) dan Project paper (SLS3152).



21 MEI 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. di LR2, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Dihadiri oleh 22 orang pelajar dari dari Kursus ECS3343 - Pengurusan Pusat Sumber, telah ditawarkan untuk Program ISM Pendidikan Awal Kanak-Kanak (kursus elektif) dengan kerjasama pensyarah Puan Fadliah binti Darini.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



14 JUN 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. dan Online database & Free Access Collection for Literature di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam. Dihadiri oleh 18 orang pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan untuk subjek International Human Resource Management (PHS 3213) dengan kerjasama pensyarah Puan Erni Tanius.



20 JUN 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. dan Online database & Free Access Collection for Literature di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam. Dihadiri oleh 5 orang pelajar (flexi) dari program Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan untuk subjek International Human Resource Management (PHS 3213) dengan kerjasama pensyarah Puan Erni Tanius.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



05 JUN 2024 | Perpustakaan UNISEL hari ini berbesar hati dan amat bertuah menerima sumbangan kitab daripada Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL. Koleksi kitab yang diterima ini merupakan koleksi peribadi Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman semasa beliau berada di Mesir. Kitab-kitab yang diterima ini akan diproses dan ditempatkan di Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



7 JUN 2024 | Perpustakaan UNISEL telah terlibat dalam Kajian Penyelidikan Lanjut Berkaitan Anotasi Siddiq Fadzil Menerusi Penulisan Malfuzat dan Pangkalan Data. Penyelidik kajian daripada Perpustakaan Unisel terdiri daripada Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan, Azman Ibrahim, Pustakawan Kanan dan Fara Nur Izwana, Pustakawan Kanan. Hari ini pembentangan berkaitan kajian berkaitan anatosi Siddiq Fadzil yang akan disimpan dalam pangkalan data Perpustakaan. Sesi pembentangan pada hari ini dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Hamdan Dato Mohd Salleh, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti. Pasukan penyelidik bagi perkara laij yang hadir adalah Dr Ng Ming Yip dan beberapa lagi penyelidik. Pelbagai input diterima bagi ruang penambahbaikan yang bertujuan maklumat dalam pangkalan data dapat memudahkkan proses pencarian dan pengaksesan.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



7 Jun 2024 | Mesyuarat Pra Audit Dalaman Perpustakaan. Mesyuarat ini diadakan sebagai persediaan Audit Dalaman EOMS. Perpustakaan dijadualkan untuk diaudit pada 20 Jun 2024

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



22 JUN 2024 | Program Bercerita Perpustakaan UNISEL bagi siri 3/2024 telah berlangsung dengan meriah pada Sabtu, 22 Jun 2024. Program bermula jam 10.00 pagi hingga 11.00 ini disertai oleh 7 orang kanak-kanak terdiri dari anak-anak kakitangan UNISEL dan juga penduduk setempat. Program bercerita kali ini membawa tema "Puppet Show" yang bertajuk Mak Menti dan Pak Batik yang dikendalikan oleh Puan Khuzaimah Zakaria, pustakawan UNISEL. Melalui program seperti ini, kanak-kanak bukan sekadar mendapat hiburan semata-mata tetapi sekaligus akan mempelajari pelbagai kisah dan teladan melalui penceritaan.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



24 JUN 2024 | Satu mesyuarat pelaksanaan dan kerjasama di bawah program Sains Perpustakaan, Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran telah diadakan di bilik mesyuarat Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



06 MEI 2024 | Lawatan tapak dan kerja-kerja pengukuran oleh kontraktor yang telah dilantik yang diiringi oleh staf dari Jabatan Pembangunan & Penyelegaraan UNISEL (JPP) untuk projek renovasi Pejabat Unit Penerbitan UNISEL yang baharu.



29 - 30 MEI 2024 | Staf Perpustakaan UNISEL, Encik Zairil Azwan Osman telah dijemput peserta bagi kursus Pasukan Tindakan Kecemasan (emergency response team (ERT)) tahun 2024 - Universiti Selangor (UNISEL). Program tersebut bertujuan akan membangunkan kemahiran dan pengetahuan anggota kecemasan dan penyelamat dalam menyediakan diri dalam kecemasan dengan secara selamat dan menjalankan aktiviti memadam kebakaran dan menyelamatkan awal sebelum kedatangan tanggungjawab kecemasan luar. Kursus ini diadakan di Balai Bomba Shah Alam, Seksyen 15 & I-Zone, Tingkat Bawah, Bangunan Berlian, Kampus Shah Alam.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



07 JUN 2024 | Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya telah menerima lawatan daripada 83 orang pelajar dan empat orang guru dari SMK Seksyen 10, Kota Damansara. Lawatan ini telah dikendalikan oleh Puan Nur Adna Binti Roduan, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh 5 orang Pustakawan Kanan di Kampus Bestari Jaya serta Cik Siti Mariani Binti Mohd Yusof, Pembantu Perpustakaan Kanan. Semoga sesi lawatan ini dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat tentang Perpustakaan UNISEL dan memberi manfaat kepada pelajar dan guru.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN




10 JUN 2024 | Staf Perpustakaan UNISEL Encik Zairil Azwan Osman telah dijemput untuk menyertai Bengkel Pemantapan Kualiti Pentadbiran Pascasiswazah anjuran Centre for Graduate Studies UNISEL (CGS).



10 JUN 2024 | Lawatan tapak dan perbincangan keperluan perabot bersesuaian untuk ruang pejabat Unit Penerbitan. Perbincangan melibatkan Pengarah JPAPP dan Ketua Perpustakaan.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



11 JUN 2024 | Staf Perpustakaan UNISEL telah menyertai "Empowering Librarians: The Knowledge Architects of the Digital Age Forum". Anjuran ProQuest part of Clarivate. Bertempat di Ballroom B, Aloft Kuala Lumpur Sentral. Staf perpustakaan yang terlibat ialah Puan Norliza Abd Hamid dan Puan Norliza Mohd Mailan.



11 JUN 2024 | Staf Perpustakaan UNISEL telah menyertai "Emerald Conference 2024" anjuran Emerald di Connexion Conference & Event Centre (CCEC), Bangsar South, Kuala Lumpur. Staf perpustakaan yang terlibat adalah Puan Fara Nur Izwana Ismail dan Puan Siti Suriani Misran

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



12 JUN 2024 | Ketua Perpustakaan, Encik Hafiz Abdul Rahim telah diamanahkan untuk mengetuai kumpulan Audit 2 bagi PTJ Pusat Sukan, Kebudayaan & Penghijauan.



13 JUN 2024 | Perbincangan bersama Puan Hajah Noriyani Yusoff, Ketua Editor Bahagian Buku Kanak-Kanak dan Remaja, Bahagian Buku Kanak-kanak dan Remaja di Tingkat 5 Menara DBP.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN




20 JUN 2024 | Ketua Perpustakaan, Encik Hafiz Abdul Rahim terlibat dalam proses audit dalaman bagi Fakulti Kejuruteraan & Sains Hayat.



24-25 JUN 2024 | Staf Perpustakaan UNISEL, Cik Nor Suhaida Zainol telah menyertai Kursus Creative Content Canva Ai yang diadakan di Makmal Komputer 3, Tingkat 1, Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran selama dua hari dan dihadiri oleh kakitangan pentadbiran serta pensyarah.


ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN

27 JUN 2024 | Lawatan penilaian akreditasi penuh secara virtual audit (MQAVA) bagi Program Asas Pengajian Islam, Pusat Pengajian Asasi dan Umum (PADU).




ULASAN BUKU

Judul: Sirah Sayyidatina Aishah Ummul Mukminin R.A
Penulis: Sulaiman An-Nadawi; Terjemahan: Suhaila Lukman
ISBN: 9789673680245
No. Panggilan: BP80.A52 .N33 2010
Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya & Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan: 2010
Edisi: -



Buku Sirah Sayyidatina Aishah Ummul Mukminin R.A merupakan karya Sulaiman An-Nadawi seorang ulama terkemuka di Universiti Nadwatul Ulama dan diterjemahkan oleh Suhaila binti Lukman. Buku setebal 467 muka surat ini menengahkan kehidupan Aisyah R.A, kedudukan pentingnya di bidang hadith dan fiqh, pengetahuan agama, pandangan-pandangannya berkaitan persoalan hidup seharian dan banyak lagi. Selain itu, buku ini juga terkandung tentang kisah kecerdasan Aisyah, rasa cintanya yang tulus dan mendalam kepada sunah Rasulullah S.A.W.

(Ulasan dari buku "Sirah Sayyidatina Aishah Ummul Mukminin R.A.")



Title: Primer of Diagnostic Imaging
Author: Mukesh G. Harisinghani, John W. Chen & Ralph Weissleder
ISBN: 9780323357746
Call No: RC78.7 .H37 2019
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2019
Edition: 6th ed.

"Widely known as THE survival guide for radiology residents, fellows, and junior faculty, the "purple book" provides comprehensive, up-to-date coverage of diagnostic imaging in an easy-to-read, bulleted format. Focusing on the core information you need for learning and practice, this portable resource combines the full range of diagnostic imaging applications with the latest imaging modalities, making it the perfect clinical companion and review tool."

(Sources from website "<https://www.us.elsevierhealth.com/primer-of-diagnostic-imaging-9780323357746.html>")


ULASAN BUKU

Judul: Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia
 Penterjemah: Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd. Dom
 Editor: Wan Roslili Abd. Majid & Ismail Ibrahim
 ISBN: 9789833698042
 No. Panggilan: G370 .P46 2006
 Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya & Kampus Shah Alam
 Tahun Terbitan: 2006
 Edisi: -



Buku Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia merupakan terjemahan dari karya asal bertajuk Rihlah Ibn Battutah. Buku ini diterjemahkan oleh Dr. Adi Setia Mohd. Dom, Syed Nurul Akla Syed Abdullah, dan disunting oleh Ismail Haji Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid. Buku setebal 967 mukasurat ini menceritakan tentang pengembaraan Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdillah ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Lawati yang lebih dikenali dengan nama Ibn Battutah. Melalui pembacaan naskah ini, pembaca akan memperoleh gambaran yang jelas tentang tamadun Islam sebagai tamadun dunia yang bersifat kosmopolitan dan dinamik.

(Ulasan dari buku Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia)



Judul: Manasik Haji & Umrah Menurut Imam Nawawi
 Penulis: Imam Nawawi
 ISBN: 9789833817061
 No. Panggilan: BP187.3 .N35 2007
 Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya & Kampus Shah Alam
 Tahun Terbitan: 2007
 Edisi: -

Buku Manasik Haji & Umrah: Menurut Imam Nawawi merupakan edisi terjemahan semula dalam Bahasa Melayu daripada kitab asal karya Imam Nawawi yang bertajuk al-Idah fi Manasik al-Hajj. Buku setebal 269 halaman ini telah mengupas intipati berkaitan haji dan umrah dalam lapan bab yang mengandungi perkara berkaitan etika ketika pergi menunaikan haji, tentang ihram, rukun dan kewajipan haji, tentang umrah, tawaf Wada', ziarah ke makam Rasulullah S.A.W. dan larangan serta perintah ketika menunaikan haji. Manakala bab terakhir akan membincangkan perkara berkaitan ibadah haji anak kecil dan hamba sahaya serta etika ketika pulang dari tanah suci.

(Ulasan dari buku "Manasik Haji & Umrah Menurut Imam Nawawi")

E-RESOURCES



emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals 2024

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:


- Management for performance
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Cultural studies/globalisation
- Organizational behaviour
- Business ethics and law
- Strategic orientation
- Conflict management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**



emerald insight
Operations, Logistics & Quality eJournals 2024

[Click here](#) to find out more about the journal titles


Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Green supply chain
- Service management
- Industry 4.0
- Big data applications
- Supply chain management
- Lean six sigma
- Offshoring
- Production management
- Quality control
- Processes

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**



emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals 2024

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of trade unions
- Performance management
- Work/life balance
- Work engagement
- Remote working
- Cross cultural employment
- Workplace diversity
- Workplace bullying
- Learning & development
- The impact of Brexit on the labour force

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**



emerald insight
ICE Publishing Journals 2024

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover 5 ICE Publishing Journals below :

 Construction Materials Click here	 Civil Engineering Click here	 Waste and Resource Management Click here	 Engineering Sustainability Click here	 Environmental Engineering & Science Click here
---	--	--	---	--

ACCESS HERE : <https://login.ezproxy.unisel.edu.my/menu>

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411 / Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	--

unisel library  **emerald PUBLISHING**

Emerald Publishing Limited

Academic OneFile



emerald insight
Education eJournals 2024

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Vocational education and training
- Curriculum development and assessment
- Sustainability in higher education
- Global and comparative education
- Technology in education
- Health education
- Work-based learning
- Higher education
- Distance learning

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**



GALE ACADEMIC ONEFILE
STREAMLINE RESEARCH AND DISCOVER SCHOLARLY SOURCES

SCHOLARLY SOURCES
Search thousands of scholarly and peer-reviewed journals— the backbone of academic research.

BROWSE BY DISCIPLINE
Click for easy access to articles aligned to major topics of study. Select a discipline to browse relevant topics and articles.

CURRENT RESULTS
Access recent information to keep through academic research on almost any subject. Periodicals are updated several times a day.

FB PAGE - UNISEL LIBRARY
<https://www.facebook.com/UNISEL-LIBRARY-106162892748554/>

INSTAGRAM - UNISEL LIBRARY
<https://www.instagram.com/unisel.library/pti-en>

unisel library

Contact us
Need any help, please come to the library, send us an email or call us.

Bestari Jaya Campus
Nur Adna Binti Roduan nur_adna@unisel.edu.my 03-32805122

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman zairil@unisel.edu.my 03-55223411 Ext. 2903

UNISEL EPROXY (Access off-campus)
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

 unisel@library
Selamat Hari
PUSTAKAWAN
 MALAYSIA
 Mengkalis Masa Hadapan Perpustakaan
 Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang
Future Proofing Libraries
 Innovate, Adapt, Excel
06 JUN 2024

 -UNISEL LIBRARY-
<http://library.unisel.edu.my>

 unisel@library
SELAMAT MENYAMBU
 سَلَامَةُ مَشْرِيقِ الْعَالَمِ
HARI RAYA
AIDILADHA
 ISNIN 17 JUN 2024M
 BERSAMAAN 10 ZULHIJAH 1445H

 -UNISEL LIBRARY-
<http://library.unisel.edu.my>

 unisel@library
NEED HELP?
CONNECT WITH US
<http://library.unisel.edu.my>
sirkulasi@unisel.edu.my
 chat with a Librarian
 If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates
 03-55223411 / EXT: 2902 CUSTOMER SERVICE SHAH ALAM CAMPUS
 03-55223411 / EXT: 2903 REFERENCE SERVICE SHAH ALAM CAMPUS
 03-32805120/5122 BESTARI JAYA CAMPUS

 -UNISEL LIBRARY-
<http://library.unisel.edu.my>